

Debat Kefahaman Islam Antara IPT 2006

UMS sebagai pembangkang raih kejayaan

>>Oleh Idris Musa
idris@hmetro.com.my

KEJAYAAN seorang penuntut jurusan pendidikan yang dinobatkan pendebat terbaik Pertandingan Debat Kefahaman Islam Antara Institusi Pengajian Tinggi 2006, baru-baru ini membuktikan sesiapa saja mampu meraih kejayaan asalkan ada kesungguhan dan persediaan rapi.

Pelajar tahun tiga Universiti Malaysia Sabah (UMS), Burhanuddin Sirajuddin, berkata dia boleh mengemukakan hujah di pertandingan itu walaupun bukan ahli dalam bidang agama.

"Memang saya menghadapi kesukaran berdebat isu berkaitan Islam sebab saya bukan ahlinya, tetapi segala masalah saya berbincang dengan rakan sepasukan," katanya yang menerima hadiah wang tunai RM1,000 sebagai pendebat

terbaik.

Bagi memastikan dapat mematahkan hujah lawan, dia membuat persiapan rapi terutama mendapatkan maklumat isu semasa berkaitan Islam melalui internet dan buku.

"Sebagai pelajar yang bukan di bidang agama, saya perlu berusaha lebih keras untuk mendapatkan maklumat berkaitan," katanya yang menyertai pertandingan debat sejak di bangku sekolah.

Pelbagai pertandingan debat disertainya termasuk Debat Alam Sekitar 2006 antara institusi pengajian tinggi di Universiti Sains Malaysia (USM) yang menyaksikan pasukannya sekadar di tempat ketiga.

Dalam pertandingan anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) itu, Burhanuddin yang berasal dari Tawau, Sabah, mengetuai barisan pembangkang membabitkan Mohd Qhairul Iqhsan, Abdul Hani Abdul

Manan dan Mursidi Aman.

Mereka menewaskan pasukan pencadang yang mewakili Universiti Teknologi Petronas (UTP) membabitkan Mohd Shafiq Khady Mahmud, Wan Mohd Harii Mohd Nasihuddin, Abu Hanifah Ayob dan Aminor Rashid Mohd Shari'ai.

Tajuk yang diperdebatkan mereka ialah 'Kecelaruhan dan Salah Faham Tentang Islam Berpunca daripada Orang Islam Sendiri.'

Dengan kejayaan, itu pasukan debat UMS memenangi hadiah wang tunai RM15,000, piala pusingan, buku terbitan Ikim dan sijil penghargaan, manakala UTP sebagai naib johan mendapat wang tunai RM10,000.

Tempat ketiga pertandingan itu ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan hadiah wang tunai RM5,000 dan keempat Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) (RM3,000).



TAHNIAH... Ahmad Sarji (tiga dari kiri), Dr Syed Ali Tawfik (kanan) dan Nik Mustapha (kiri) bersama pasukan debat UMS yang menjuarai Debat Kefahaman Islam Antara Institusi Pengajian Tinggi anjuran Ikim.

Hadiah disampaikan Pengerusi Ikim, Tan Sri Dr Ahmad Sarji Abdul Hamid. Hadir sama, Ketua Pengarah Ikim, Dr Syed Ali Tawfik Al-Attas dan Timbalannya, Nik Mustapha Nik Hassan.

Pertandingan itu turut disertai Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Universiti Multimedia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis), Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC).

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem), Kolej Universiti Insaniah, Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ditaja Yayasan al-Bukhary, Debat Kefahaman Islam itu bertujuan memberikan peluang kepada penuntut mengemukakan pendapat dan berhujah mengikut saluran yang betul.



BURHANUDDIN... berbincang dengan kawan.